

TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 48 – SURAH AL-FATH



<https://youtu.be/eXNFWcpPsKw>

VIDEO – [Durasi – 31m 56s] – SURAH AL-FATH – Tafsir (Struktur Makro) – Maulana Muhd Asri Yusoff

TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 48 – SURAH AL-FATH

TANDA MASA TAJUK PERBINCANGAN

- 1- [00:39](#) – Mesej Utama
- 2- [01:37](#) – Zaman Diturunkan Dan Latar Belakangnya
- 3- [02:12](#) – a. Perang Ahzaab
- 4- [03:43](#) – b. Mimpi Rasulullah s.a.w.
- 5- [12:38](#) – c. Bai`ah Ridhwan
- 6- [13:42](#) – d. Perjanjian Hudaibiyah
- 7- [17:35](#) – e. Penguasaan dan penaklukan Khaibar
- 8- [18:37](#) – f. `Umrah al Qadha`
- 9- [19:06](#) – g. Pembukaan Mekah
- 10- [20:21](#) – Kelebihan Surah Al-Fath
- 11- [22:23](#) – Kesenambungan Surah Al-Fath Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya
- 12- [24:49](#) – Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah
- 13- [24:52](#) – a. Di dalam surah ini sebanyak dua kali orang-orang Islam diingatkan bahawa kemenangan dan pertolongan itu datangnye daripada Allah
- 14- [25:05](#) – b. Orang-orang munafiq yang buruk sangka terhadap Rasulullah s.a.w. dan para Sahabat yang ikhlas telah diberi peringatan sebanyak dua kali
- 15- [25:42](#) – c. Berita gembira akan mendapat kemenangan untuk orang-orang Islam
- 16- [26:54](#) – d. Orang-orang yang tidak ikut serta mengerjakan `ibadat `umrah bersama Rasulullah s.a.w. disebutkan sebagai "mukhallafun" (orang-orang yang ketinggalan di belakang)
- 17- [29:01](#) – e. Para Sahabat yang ikhlas yang telah berbai`ah di bawah pokok (dalam Bai`ah Ridhwan) telah diberikan gelaran "radiallahu anhum"
- 18- [29:27](#) – f. Perjanjian Hudaibiyah yang telah berlaku di antara orang-orang Islam dengan orang-orang Quraisy

SINOPSIS

=====

MESEJ UTAMA SURAH AL-FATH

=====

Berita gembira untuk orang-orang Islam bahawa selepas perjanjian Hudaibiyah mereka akan mendapat banyak kemenangan dan harta kekayaan.

=====

KELEBIHAN DAN PENGAJARAN DARI SURAH AL-FATH

=====

1. Surah al-Fath lebih disayangi Rasulullah s.a.w daripada dunia dan segala ni'matnya.
2. Sifat orang-orang mukmin yang sebenar ialah mereka yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka tidak ragu tentang kebenaran Islam lalu sanggup berjihad di jalan Allah dengan mengorbankan harta benda dan jiwa raganya.
3. Perjanjian Hudaibiyah yang berlaku di antara orang-orang Islam dan orang-orang kafir Quraisy dianggap oleh sesetengah pihak sebagai perjanjian yang tidak menguntungkan orang-orang Islam sehinggalah sebahagian dari mereka tidak berpuas hati dengannya. Tetapi kemudiannya Allah menurunkan "sakiinah" kepada mereka.

NOTA KULIAH LENGKAP– MUAT TURUN ATAU BACA ONLINE

NOTA TAFSIR AL-QURAN BERDASARKAN STRUKTUR MAKRO – SURAH 48 – AL-FATH

[<https://raudhahquranschool.files.wordpress.com/2020/06/48.-surah-surah-al-fath.pdf>]